



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	15/6/2021	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	KeTSA			



Bukit airarah untuk aktiviti perlombongan di sekitar Tasik Chini.

(Foto Peritua Hafiz Awang/BH)

Tasik Chini

Tengku Hassanal perintah aktiviti lombong dihenti

Pemangku Raja Pahang adakan lawatan mengejut, titah tindakan pemuliharaan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memerintahkan aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini dihentikan.

Pengelola Bjsya Diraja KDYMM Sultan Pahang, Datuk Ahmad Khirrizal Ab Rahman, berkata perintah itu selepas baginda mengadakan lawatan mengejut di sekitar kawasan Tasik Chini, kelmarin.

Katanya, baginda juga meneliti laporan yang dipersembahkan oleh Menteri Besar, Datuk

Seri Wan Rosdy Wan Ismail berhubung aktiviti perlombongan di kawasan terbebit serta tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan oleh kerajaan negeri.

"Baginda bersetuju dengan langkah kerajaan negeri yang tidak lagi mengeluarkan sebarang kelulusan baharu sejak 2019.

"Baginda selanjutnya menitahkan agar kerajaan negeri bekerjasama Kerajaan Persekutuan dalam bidang kuasa masing-masing dapat mengambil beberapa langkah.

"Tasik Chini adalah permata alam sekitar di bumi negeri Pahang Darul Makmur dan menjadi Tanah Rizab Bisfera Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang pertama di negara ini.

"Justeru pengiktirafan bertaraf dunia itu hendaklah dipertahankan," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Ahmad Khirrizal berkata, Tengku Hassanal mengambil berat dan akan terus memantau usaha kerajaan negeri dalam me-

astikan alam sekitar di Pahang sentiasa terjaga.

Katanya, baginda menyeru agar semua pihak sentiasa mengamalkan prinsip alam sekitar, sosial dan urus tadbir yang baik supaya khazanah alam hari ini akan terus kekal dan dapat dinikmati generasi akan datang.

"Baginda menitahkan kawasan bekas lombong dipulihkan semula dengan penanaman pokok hutan yang bersestiaan.

"Baginda juga menitahkan supaya kawasan Hutan Simpan Chini, Pekan seluas 4,609 hektar ditsmbah bagi menjaga kepentingan flora dan fauna di kawasan Tasik Chini serta kawasan persekitarannya," katanya.

Beliau berkata, baginda berharap aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan Tasik Chini yang sedang dilaksanakan dipergiatkan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan secara bersepadu dan berkala membabitkan agensi penguatkuasaan negeri dan persekutuan.